

# Sastera dan Sasterawan

## Kesusasteraan Islam Zaman Nabī

(oleh: Muhammad Zain Haji Serudin)

Memperkatakan soal ini, memang ada baiknya kalau kita terlebih dahulu memandang kepada zaman sebelumnya, kerana akan lebih mendekatkan kita kepadanya, dan faedahnya besar sekali. Kita dapat memandang dan mengetahui dengan jelas perbezaan antara dua zaman dalam beberapa segi, khasnya segi tujuan dan moral dalam tulisan.

Kesusasteraan Arab sebelum zaman Nabī cepat sekali perkembangannya, dan banyak benar terdapat penyair-penyair yang handal dan terbilang, seperti Umru' al-Qays, 'Antarah, al-Muhalhal, Zuhayr, al-Hārith dan lain-lain.

Mereka dalam menciptakan sajak (syair), lebih banyak menitikberatkan soal-soal: Percintaan, peperangan, arak, hujan, kemegahan, dan sebagainya. Yang paling jaguh dalam menciptakan sajak percintaan ialah Umru' al-Qays. Rasulullah pernah menamakannya: "Pendukung panji-panji penyair yang menuju ke neraka"

Sebagai contoh bagi zaman ini, biarlah saya turunkan sepotong sajak dari buah tangan al-Muhalhal:

Kami akan datang padamu, kaum Bakr

Datanglah pula menyongsong jantung kami,

Dengan pedang-pedang, merah kerana darah luka parahmu,  
Yang tadinya berkilat-kilat dibersihkan budakmu,  
Kami akan berduka, kalau kami membunuh kamu,  
Dan kan kami bunuh kamu, seakan-akan tak mendukung kami.

### Sikap Rasulullah Terhadap Sajak

Dengan tegas kita mengakui bahawa Rasulullah bukanlah seorang penyair. Tetapi selaku manusia yang hidup di kalangan bangsa yang sebahagian hidupnya diisi oleh sajak, maka Rasulullah tidaklah dapat melepaskan dirinya dari pengaruh alam kesusasteraan. Ini nampak benar dan dari pernyataan tutur katanya yang penuh dengan bentuk dan susunan yang menarik lagi indah.

Satu peristiwa, seorang sahabat Nabī bernama 'Abd Allāh ibn Rawāḥah sedang memegang tali unta Rasulullah untuk memandu masuk ke bandar Makkah kerana menunaikan ibadah umrah. Dalam pada itu bersyairlah ia:

Ayuh, menyingkir kaum kafir,

Lapangkan jalan lalu Muḥammad,

Punca kebaikan ada padanya,

Pergi, pergi, jauhkan diri,

Tuhan . . . . .

Aku yakin segala katanya,

Dalam penerimaannya, aku mengenal,

Hakikat kebenaran-Mu, Tuhanku.

‘Umar ibn al-Khaṭṭāb yang terkenal keras dan garang

itu memerhati dan mendengarkan apa yang dicakapkan ‘Abd Allāh

itu, ia pun berkata: “Wahai Ibn Rawāḥah, Allah telah

mengharamkan pengucapan sajak di hadapan Rasul-Nya”

‘Abd Allāh tidak menjawab, tetapi Rasulullah tidaklah

pula membiarkan ‘Abd Allāh dalam keadaan yang tidak menyenangkan,

baginda pun menerangkan sikap yang sebenarnya: “Biarkan

dia bersajak, ‘Umar, demi Tuhan, bahawa sajak-sajaknya itu

lebih berdaya bagi kaum kafir daripada pedang dan panah.”

Tidaklah perlu diulas lagi hal ini, kerana telah jelas

dan terang.

### **Pandangan Secara Umum**

Memperkatakan kesusasteraan Islam pada zaman Nabī

secara umum samalah juga kita memperkatakan kehidupan

orang-orang Islam pada zaman itu. Kerana bukannya

kesusasteraan itu hasil dari buah fikiran dan

gambaran kehidupan? Jadi, kehidupan mereka dan

kesusasteraan Islam adalah berkait dan berhubung rapat

hingga tak dapat dipisahkan.

Datangnya Islam adalah sebagai datangnya cahaya matahari

ke suatu tempat yang gelap. Islam telah berjaya memberikan

sinar baharu dalam kehidupan orang-orang Islam di bawah

pimpinan Pesuruh Tuhan. Islam telah berjaya memusing

roda kehidupan orang-orang Islam yang terdiri dari bangsa

Arab itu ke arah yang lebih baik dan sempurna, khasnya

Islam telah berjaya memperbaiki dua segi dari

perkara yang terpenting:

Pertama: Soal-soal yang bersangkutan paut dengan kepercayaan.

Kedua: Soal-soal yang bersangkutan paut dengan kemasyarakatan.

Kesusasteraan Islam pada zaman itu, kalau kita

kaji, tentulah kita akan bersua dengan hasil usaha

penyair-penyair yang berisikan kedua-dua perkara pokok yang saya

sebutkan di atas tadi. Kalau dahulu penyair-penyair

menjiwai sajak-sajaknya dengan apa yang telah saya terangkan

dalam bahagian sebelum Islam, maka pada zaman Nabī,

penyair-penyair Islam tidaklah demikian halnya, mereka telah berubah.

Malah mereka berazam bulat mengabdikan kepada keagungan

Islam. Buah tangan mereka banyak benar yang menyokong seruan

Islam, dan mempertahankannya dari serangan musuh

melalui sajak-sajak mereka. Dalam hal ini, *al-Qur’ān*

memainkan peranan penting, di mana para penyair menjadikannya

sebagai panduan dalam menciptakan sajak-sajak mereka.

### **Hasil Usaha Mereka**

Untuk memapar dan memperkatakan hasil usaha

mereka pada zaman itu agak luas benar, akan lebih

luas lagi kalau kita mahu memperkatakannya satu

persatu. Tetapi dalam rencana ini penulis hanya akan

memperkatakan beberapa hasil usaha mereka, yang sekira-kira

dapat menggambarkan kesusasteraan pada zaman itu dalam

beberapa segi.

### **Pengakuan**

Apabila iman telah mendalam dan tebal di hati

sanubari, dengan penuh kejujuran timbullah perasaan

yang luhur, mengakui kebesaran dan kebenaran Tuhan.

Maka di sini saya bawakan buah tangan penyair ‘Abd Allāh

ibn Rawāḥah:

Kami gelap gelita

Kalau Engkau tak ada, Ilahi,

Kami tidak kenal kebenaran,

Kami tidak kenal pengabdian . . . . .

Tuhanku . . . . .

Kalau Engkau tak ada,

Kami gelap gelita,

Tak kenal kebenaran dan pengabdian . . . . .

Tuhanku . . . . .

Benamkan kami dalam kekuatan,

Padukan kaki bertahan

Bila berhadapan dengan musuh . . . . .

Tuhanku . . . . .

Kedurjanaan musuh-Mu

Telah sampai ke puncaknya . . . . .

### Hijrah

Peristiwa yang bersejarah sekali bagi kemajuan dan perkembangan Islam ialah hijrah berpindah dari Makkah ke Madinah. Dengan berlangsungnya perpindahan ini, maka Islam telah mendapat sambutan yang luar biasa sama ada dari kawan mahupun dari lawan. Marilah kita ikuti penyair Ka‘ab ibn Zuhayr meng gambarkannya:

Di kalangan kabilah Quraish

Di tengah-tengah bumi Makkah

Pabila mereka telah menganut Islam

Berteriaklah seorang pembicara

Pindahlah kamu, berhijrah.

Berpindahlah mereka dengan penuh keberanian

Tidak ternampak kelemahan atau ketakutan

Cekap pantas di atas kuda

Senjata menghiasi mereka.

Marilah pula kita ikuti sajak Abū Aḥmad

ibn Jahsh. Sebelum itu perlu diingatkan bahawa perkataan

“Yathrib” ialah nama asal Madinah sekarang:

Waktu Ibn Aḥmad melihat aku pergi

Di bawah naungan sayap Ilahi Rabbi,

Bisiknya: Kalaupun kau berangkat,

Ingat, Yathrib jauh, negeri lain dekat.

Jawabku: Yathrib kini di depan mata

Kepada Allah dan Rasul aku pergi,

Orang hijrah kepada Allah berbahagia.

### Berat Sama Dipikul

Setelah berlakunya peristiwa hijrah itu, maka usaha pertama yang dilakukan Rasulullah ialah mendirikan pusat pengabdian, pusat pengajaran, pusat kebudayaan Islam, iaitu masjid. Yang menghubungkan diri dalam usaha ini banyak sekali bilangannya, dalam masa bekerja itu, bersajaklah antaranya:

Andai kata kita berpangku tangan

Sedangkan Nabī bekerja,

Sesungguhnya yang demikian

Suatu kesesatan.

Dalam pada itu ‘Alī ibn Abī Ṭālib, dan ‘Ammār ibn

Yāsir bersajak pula:

Manakah sama orang yang membina,  
Membangunkan rumah suci  
Keringat membasahi diri,  
Dengan petualang pengelak kerja.

### Peperangan

Alam kesusasteraan Islam pada zaman Nabī, tidaklah kurang dengan soal perang dan damai. Kerana Islam penuh dengan perjuangan. Oleh kerana banyaknya peperangan yang terjadi semasa Rasulullah dan sesudah wafatnya, maka terdapatlah fahaman dan tuduhan bahawa Islam dikembangkan dengan pedang, sebenarnya bagi menolak sangkaan yang seperti ini menghendaki satu bahasan yang panjang, di sini bukanlah tempatnya.

Sungguhpun sajak perang ini terdapat dalam kesusasteraan Islam, tetapi tidaklah sama dengan sajak-sajak zaman sebelumnya. Perbezaannya jelas: kalau dahulunya peperangan didorong oleh hawa nafsu, perebutan sumber rezeki, dendam kesumat, sekarang kerana mempertahankan Islam dan membela diri. Cubalah ikuti sajak Ḥamzah ibn ‘Abd al-Muṭalib ini:

Gendang<sup>1</sup> perang berbunyi, bendera melambai  
Perintah Rasul kujunjung tinggi,  
Aku berangkat ke medan perang,  
Membawa bendera kemenangan pasti.  
Kala kami berhadapan muka  
Musuh bersiap berlempang sedia,  
Kami bertahan berkobar kukuh  
Sejauh dicapai panah beripuh.  
Kami sekata pada mereka:  
Tali Allah kuat mengikat,

Kami berperang tiada gentar,  
Kamu kalah di lembah sesat.  
Mendengar kata jahil mereka,  
Tetapi Allah Maha Kuasa,  
Walau kami tiga puluh,  
Tiga ratus mereka, takut tiada.  
Jangan lagi mengabdikan nafsu, kaumku  
Mari kembali ke jalan Ilahi,  
Kasihlah aku padamu, saudara,  
Kalau kemurkaan Allah akan menimpa . . . . .  
Untuk lebih jelas bagaimana pahlawan-pahlawan Islam

berlagak di medan perang, ikutilah sajak Ka‘ab ibn

Zuhayr ini:

Mereka itu pahlawan yang percayakan diri  
Tidaklah mereka melonjak-lonjak – gembira  
Ketika panah mengena musuh mereka  
Begitulah juga  
Ketika panah menikam mereka  
Tiada takut – tiada duka.

### Membalas Serangan

Di atas tadi telah kita ikuti sajak-sajak yang mengabdikan kepada keagungan Islam, di samping itu janganlah kita lupa, bahawa banyak penyair-penyair yang tidak Islam itu menggunakan buah pena mereka untuk menyerang Islam. Tetapi serangan-serangan itu tidaklah dibiarkan begitu sahaja, malah penyair-penyair Islam tetap waspada dan membalas serangan-serangan itu, sajak dibalas dengan sajak. Antara yang bertugas demikian ialah penyair Ḥassān ibn Thābit membalas serangan Abū Sufyān dan rakan-rakannya:

<sup>1</sup>Ejaan dalam teks asal ialah ‘genderang’

Muhammad kaumaki

Aku menjadi galang ganti

Aku jawab dengan senang hati

Dan pada Tuhan ada pembalasan.

Patutkah Muhammad kau maki?

Sedangkan kau bukanandingannya,

Antara kamu kedua

Yang jahat menjadi tebusan kepada yang baik.

Barangsiapa memaki Rasulullah dari golongan kamu

Atau memujinya, menolongnya, dalam kiraan adalah sama.

Aku bersumpah

Bahawa bapaku dan datuk nenekku

Seluruh kehormatanku

Kupertaruhkan kepada kehormatan Rasulullah

Ku utukkan bagi keselamatan

Menjaga dari bencana kamu.

Demikianlah serba sedikit tentang kesusasteraan

Islam dalam zaman Nabī, moga-moga ada juga faedahnya

kepada kita, khasnya pemuda pemudi Islam.

Punca kajian untuk makalah ini:

1. *Al-Adab wa al-Nuṣūṣ* - keluaran Wizārat

al-Tarbiyyah wa al-Ta'lim Mesir.

2. Pahlawan-pahlawan Islam yang Gugur di Zaman Nabī –

H Hāshimī.

3. Sepintas Lalu Meninjau Sejarah

Kesusasteraan Dunia - B. M. Tahir.



*Murid-murid darjah 3, Madrasah Misriyyah Bukit Mertajam, yang telah lulus dalam peperiksaan besar 1378. Duduk*

*Dari kanan: Ahmad Fuad Yusuf Seberang Prai, Umar Muhammad Syukur Johor, Islahuddin Muaddin Perak,*

*dan Sukindar Sulaiman Selangor.*

*Berdiri dari kanan: Qamaruddin Yusuf Perak, Ahmad Dalib Melaka, Abdul Halim Mohdar Selangor dan*

*Zainuddin Haji Saleh Seberang Prai – Kiriman M.S. Umar Adli.*